

Pembohongan jejas agama, maruah ummah

Perbuatan reka cerita buat manusia pecah-belah

Dunia komunikasi yang luas serta pantas memudahkan penyampaian berita dan maklumat. Ia menjadi sebahagian daripada medium perantara yang berkesan serta mengeratkan hubungan saudara sesama insan.

Malangnya, kemajuan teknologi maklumat turut disalah guna untuk menyebarkan berita palsu dan pembohongan bertujuan memfitnah serta memecahbelahkan manusia. Ada yang tidak berniat menyampaikan pembohongan, tetapi kerana teruja berkongsi berita belum ditentukan kesahihannya, mereka turut terbabit

dalam pembohongan.

Rasulullah SAW tidak mengiktiraf orang yang berbohong sebagai seorang Muslim. 'Abul Laits meriwayatkan, Rasulullah SAW ditanya: "Adakah seseorang Muslim itu penakut? Jawab Nabi: "Mungkin." Beliau bertanya lagi: "Adakah mungkin ia bakhil?" Nabi menjawab: "Mungkin". Tanyanya lagi: "Adakah mungkin ia dusta?" Jawab Nabi: "Tidak."

Tidak dapat dipastikan tujuan manusia berbohong melalui perkataan atau perbuatan. Ada yang berdusta pada diri sendiri, sekali gus menunjukkan kehinaan dan gambaran tingkah laku yang kotor dan jijik.

Agama utamakan sifat siddiq

Sedangkan sifat yang dituntut agama ialah sifat 'siddiq' iaitu benar pada niat iaitu tidak terdorong untuk berbuat baik melainkan kerana Allah SWT, benar pada lidah dengan menyampaikan sesuatu berita yang betul, tepat serta benar pada janji dan amanah.

Sifat benar memberi ketenangan

kepada jiwa yang mulia, manakala mereka-reka cerita dan berbohong akan membuat hati gelisah.

Muslim yang baik tentunya tahu semua perbuatannya akan dipertanggungjawabkan kelak di mahkamah Allah SWT dan tahu dirinya selalu dijawasi Allah SWT.

Sungguhpun begitu, jika berkata benar boleh mendatangkan mudarat lebih besar, berbohong dibolehkan, bahkan ia menjadi wajib untuk dilakukan. Walau bagaimanapun, ia tidak mudah kerana ada syarat tertentu yang membolehkan pendustaan.

Jika tidak ada cara lain yang dapat mencapai tujuan mulia dan terpuji serta kebaikan lebih besar, melainkan dengan berdusta, maka dusta pada keadaan seperti ini dibolehkan.

Ulama menjelaskan, jika maksud yang ingin dicapai adalah sesuatu yang mubah, maka dusta saat itu hukumnya mubah. Sedangkan jika maksud yang ingin dicapai adalah sesuatu yang wajib maka dusta saat itupun menjadi wajib.

Rasulullah SAW bersabda: "Tidaklah

dikatakan pendusta orang yang mendamaikan manusia (yang berseteru), melainkan apa yang dikatakan adalah kebaikan." (Mutafaq 'Alaih)

Berdusta dari segi lafaz

Bagaimanapun, sebahagian ulama antaranya al-Imam an-Nawawi dan Syaikh Ibnu Utsaimin Hafizhahullah berpendapat sikap lebih hati-hati dan lebih utama dalam hal ini adalah melakukan 'tauriyah' iaitu berdusta dari segi lafaz, tetapi maksud sebenarnya yang benar.

Diriwayatkan oleh Bukhari, ketika Rasulullah SAW menunggang unta bersama Abu Bakar, ada seseorang bertanya kepada Abu Bakar di tengah perjalanan mengenai Rasulullah SAW, lalu beliau menunjukkan kepada Rasulullah SAW dan mengatakan, "Ini adalah seorang penunjuk jalanku".

Maka orang yang bertanya menganggap jalan yang dimaksudkan adalah makna hakiki, pada hal yang dimaksudkan Abu Bakar jalan kebaikan, semata-mata demi kemaslahatan Rasulullah SAW daripada ancaman musuh Baginda.

Justeru, yang terbaik ialah menjauhi pembohongan, baik melalui perkataan atau perbuatan kerana ia boleh menggugat nama baik agama dan umat Islam. Islam bukan agama menganjurkan penipuan, melainkan dalam keadaan sangat terdesak dan menjauhi kemudaratannya.



←
NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia